

Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah (FCPO)

Spesifikasi Kontrak

| | |
|--------------------------|--|
| KOD KONTRAK | FCPO |
| INSTRUMEN PENDASAR | Minyak Sawit Mentah |
| SAIZ KONTRAK | 25 tan metrik |
| TURUN NAIK HARGA MINIMUM | RM1 per tan metrik |
| BULAN KONTRAK | Bulan terkini dan 11 bulan yang berikut, serta selepasnya, bulan silih ganti sehingga 36 bulan berikutnya |
| WAKTU DAGANGAN | <p>Isnin hingga Jumaat (Waktu Malaysia)</p> <ul style="list-style-type: none">• Sesi dagangan pagi: Jam 1030 - Jam 1230• Sesi dagangan petang: Jam 1430 - Jam 1800 <p>Isnin hingga Khamis (Waktu Malaysia)</p> <ul style="list-style-type: none">• Sesi Dagangan Selepas Waktu Dagangan (T+1): Jam 2100 - Jam 2330 |
| HAD HARGA HARIAN LIMIT | <p>1. Kecuali dagangan dalam bulan terkini, dagangan untuk serahan hadapan Minyak Sawit Mentah pada mana-mana bulan tidak boleh dilakukan pada mana-mana Hari Perniagaan, pada perbezaan harga melebihi 10% lebih atau kurang daripada harga penyelesaian pada Hari Perniagaan terdahulu (“Had 10%”) kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah:</p> <p>(a) Apabila Had 10% dikenakan (kecuali bulan terkini), Bursa akan mengumumkan satu tempoh bertenang selama 10 minit (“Tempoh Bertenang”) untuk semua bulan Kontrak (kecuali</p> |

bulan terkini) yang semasa itu dagangan hanya boleh berlaku dalam lingkungan Had 10%

- (b) Berikutan Tempoh Bertenang, semua bulan Kontrak adalah ditentukan sebagai terganggu selama tempoh 5 minit, yang selepas tempoh tersebut, harga didagangkan untuk semua bulan Kontrak (kecuali bulan terkini) tidak boleh berbeza melebihi 15% lebih atau kurang daripada harga penyelesaian pada Hari Perniagaan sebelumnya (“Had 15%”)

- (c) Jika Had 10% dikenakan 30 minit sebelum tamat sesi dagangan pertama, Had 10% hendaklah terpakai ke atas semua bulan Kontrak (kecuali bulan terkini) untuk baki sesi dagangan pertama dan Had 15% hendaklah terpakai ke atas semua bulan Kontrak (kecuali bulan terkini) semasa sesi dagangan kedua

- (d) Jika Had 10% dikenakan kurang daripada 30 minit sebelum sesi dagangan kedua, maka Had 10% hendaklah terpakai ke atas semua bulan Kontrak (kecuali bulan terkini) untuk baki Hari Perniagaan tersebut

2. Bagi tujuan perenggan 1(a), Had 10% dikenakan mengikut cara yang ditetapkan oleh Bursa

HARI DAGANGAN AKHIR DAN TARIKH MATANG

Kontrak luput pada waktu tengah hari, pada hari ke-15 dalam bulan terkini, atau jika hari ke-15 tersebut ialah hari bukan pasaran, maka Hari Dagangan sebelumnya

TEMPOH TENDER

Hari Kalendar pertama hingga Hari Kalendar ke-20 pada bulan terkini, atau jika hari ke-20 tersebut ialah hari bukan pasaran, maka Hari Dagangan sebelumnya

GRED KONTRAK DAN TEMPAT SERAHAN

GRED KONTRAK

1. Gred Kontrak adalah untuk minyak kelapa sawit yang tidak luntur dengan kualiti yang boleh diperdagangkan, secara pukal, di Pemasangan Tangki Pelabuhan, patuhi dengan spesifikasi berikut:

| Spesifikasi | Dalam | Luar |
|---|-------|------|
| Minyak Sawit Bebas Asid Berlemak (FFA) | 4 | 5 |
| Kelembapan dan Bendasing, % max | 0.25 | 0.25 |
| Kemerosotan Nilai Indeks Kebolehlunturan (DOBI) min | 2.5 | 2.31 |

2. Spesifikasi di atas mesti dipenuhi dengan sampel yang telah diambil dan dianalisis semasa dihantar ke Pemasangan Tangki Pelabuhan dan dari Pemasangan Tangki Pelabuhan mengikut dengan prosedur yang mengatur pensampelan dan analisis yang ditentukan oleh Bursa

TEMPAT SERAHAN

1. Pemasangan Tangki Pelabuhan terletak di lokasi pilihan penjual, di Pulau Pinang / Butterworth, Pelabuhan Klang dan Pasir Gudang dan pelabuhan lain yang ditentukan oleh Bursa

UNIT BOLEH SERAH

25 tan metrik, lebih atau kurang tidak melebihi 2%

Penyelesaian perbezaan berat adalah berdasarkan purata ringkas Harga Penyelesaian harian pada bulan serahan dari:

- Hari Perniagaan pertama pada bulan serahan hingga hari tender, jika tender dilakukan sebelum hari dagangan terakhir pada bulan serahan; atau
- Hari Perniagaan pertama pada bulan serahan hingga hari dagangan terakhir, jika tender dilakukan pada hari dagangan terakhir atau selepasnya

HAD PEGANGAN SPEKULATIF

Bilangan maksimum pegangan belian bersih atau pegangan jualan bersih yang mungkin dipegang atau dikawal oleh pelanggan atau peserta ialah:

- 1,500 Kontrak untuk bulan terkini
- 20,000 Kontrak untuk mana-mana satu bulan Kontrak kecuali bulan terkini
- 30,000 Kontrak untuk semua bulan digabungkan

Had pegangan di atas adalah had digabungkan untuk Kontrak Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah dan Opsyen ke atas Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah

(harap maklum bahawa had niaga hadapan bulan terkini tidak terpakai ke atas opsyen)